



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN, MALAYSIA

**BAJET 2022: 4.8 JUTA BUJANG BAKAL MENERIMA BANTUAN
KELUARGA MALAYSIA, BERNILAI KESELURUHAN RM8.2 BILION**

Merujuk kepada Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang diumumkan melalui pembentangan Bajet 2022 oleh Menteri Kewangan pada 29 Oktober 2021, Kementerian Kewangan (MOF) ingin menjelaskan bahawa bagi BKM, **4.8 juta penerima kategori bujang adalah di antara 9.6 juta penerima yang layak. Bantuan yang bernilai keseluruhan RM8.2 bilion ini akan diagihkan seperti berikut:**

| Pendapatan | Bil. Penerima / Kadar Bantuan | | | |
|----------------------------------------------------|-------------------------------|-----------|-------------|-------------|
| | Bil Penerima | ANAK 0 | ANAK 1-2 | ANAK ≥ 3 |
| <RM2,500 | 4.0 juta | RM1,000 | RM1,500 | RM2,000 |
| RM2,501-RM5,000 | 0.8 juta | RM400 | RM600 | RM800 |
| Tambahan Kadar Isi Rumah: | | | | |
| Ibu/Bapa Tunggal (IBT) Isi Rumah | 0.5 juta | RM500 | | |
| Warga Emas Isi Rumah | 0.9 juta | RM300 | | |
| Warga Emas Bujang/Tiada Pasangan <RM5,000 | 1.0 juta | RM600 | | |
| Bujang <RM2,500 | 3.8 juta | RM350 | | |

BKM telah ditambahbaik supaya kumpulan yang benar-benar terkesan, diberi lebih tumpuan. Berdasarkan cadangan yang diterima dari rakyat melalui penerbitan Kertas Konsultasi Awam berhubung penambahbaikan bantuan rakyat, pembaharuan ini termasuk:

- (1) Bayaran sebanyak RM2,000 kepada isi rumah yang mempunyai tiga orang anak atau lebih dengan pendapatan kurang RM2,500 sebulan. Pemberian bantuan ini merupakan peningkatan berbanding RM1,800 iaitu kadar tertinggi di bawah Bantuan Prihatin Rakyat (atau BPR) sebelum ini.
- (2) Bagi ibu tunggal dalam menyara anak-anaknya; selain warga emas B40 yang kekurangan simpanan persaraan dan tiada sumber pendapatan tetap, Kerajaan juga akan memberi bantuan tambahan sebanyak RM500 lagi kepada ibu atau bapa tunggal yang mempunyai anak tanggungan dan berpendapatan bulanan sehingga RM5,000.
- (3) Bantuan tambahan sebanyak RM300 lagi turut diberikan kepada isi rumah warga emas. Ini bermakna, kepada ibu atau bapa tunggal dengan tiga anak atau lebih, layak mendapat BKM maksimum sebanyak RM2,500.

Secara keseluruhan, **BKM pada tahun 2022 akan memanfaatkan lebih 9.6 juta penerima dengan peruntukan RM8.2 bilion iaitu peningkatan berbanding 8.6 juta penerima dengan peruntukan RM7 bilion di bawah BPR pada tahun 2021.**

Kementerian Kewangan, Malaysia

Putrajaya

31 Oktober 2021